

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KPM TELITI GARIS PANDUAN CADANGAN LARANGAN
PENGUNAAN TELEFON PINTAR DI SEKOLAH**

Kementerian Pendidikan (KPM) akan meneliti garis panduan bersesuaian susulan cadangan pelaksanaan langkah-langkah segera untuk meningkatkan keselamatan di semua institusi pendidikan, termasuk larangan penggunaan telefon pintar di sekolah bagi murid bawah umur 16 tahun. Garis panduan itu akan dikeluarkan dalam tempoh terdekat.

KPM menyambut baik keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada hari ini yang menggariskan langkah-langkah segera bagi menangani isu keselamatan di institusi pendidikan termasuk usaha untuk meningkatkan pemantauan pihak polis di semua institusi pendidikan.

Pada masa sama, KPM turut menyokong hasrat Kerajaan untuk menetapkan had umur 16 tahun bagi penggunaan media sosial bertujuan untuk melindungi kanak-kanak dan remaja dari ancaman siber. Mekanisme untuk pelaksanaannya akan diteliti oleh Kementerian Komunikasi melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Semua institusi pendidikan bawah KPM juga dituntut untuk memperkasakan peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan komuniti setempat bagi memastikan aspek keselamatan institusi dapat ditingkatkan.

Kerjasama rentas Kementerian dan agensi adalah cerminan usaha berterusan Kerajaan MADANI untuk memperkukuhkan aspek keselamatan di semua institusi pendidikan bawah KPM.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
17 OKTOBER 2025**